



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	7/1/2013

# Pembangkok biadab, hina tentera

» Tindakan portal nafi pengorbanan mendiang suatu penghinaan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan,  
Mohd Hamizar Hamid  
dan Akhmarruddin Ahmad  
bhnews@bharian.com.my

► Kuching

Tindakan portal pembangkang menafikan pengorbanan mendiang Datuk Temenggong Kanang Anak Langkau sebagai Pahlawan Negara adalah satu penghinaan terhadap seluruh anggota tentera dan keluarga mereka.

Malah, laporan yang mendakwa 'Kanang Bukan Hero Sebenar' dianggap biadab dan buta sejarah.

Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin, berkata adalah sesuatu yang menyedihkan jika ada pihak tidak menyedari pengorbanan mendiang.

Tegasnya, keputusan kerajaan memberi penghormatan tertinggi ke atas Pahlawan Negara itu dibuat kerana sumbangan mendiang yang tidak terilai sepanjang bertugas mempertahankan negara.

"Saya meminta mereka yang bercakap itu membaca kembali sejarah dan sedar bahawa Kanang banyak berkorban, malah

peristiwa itu ada tercatat dalam buku sejarah.

"Adalah menyedihkan apabila ada kelompok tertentu mengambil kesempatan kematian mendiang bagi menafikan sesuatu yang sudah diketahui rakyat," katanya ketika ditemui selepas memberi penghormatan terakhir ke atas mendiang Kanang di sini, semalam.

## Pertikai tindakan kerajaan

Kelmarin, portal milik pembangkang mempertikaikan tindakan kerajaan memberi penghormatan negara ke atas Kanang yang dikatakan sudah menerima gaji dan elaun ketika menjadi anggota tentera.

Penulis portal Suara Pakatan Rakyat itu juga mendakwa 'Kanang Bukan Hero Sebenar'.

Berikutan itu, satu laporan dibuat Ahli Majlis Tertinggi Parti Pesaka Bumiputera (PBB), Datuk Idris Buang di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuching, yang mendesak siasatan dilakukan ke atas fitnah yang diterbitkan di laman web itu.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Politik Ketua Menteri, Abdulah Saidol, menyifatkan penulis portal berkenaan yang mendakwa 'Kanang Bukan Hero Sebenar' sebagai biadab dan buta sejarah.

## Penulis perlu lebih peka

Katanya, artikel itu bukan saja ditulis secara membuta tuli tetapi tidak bertanggungjawab dan menyinggung perasaan pelbagai pihak terutama kaum Iban yang



**Keranda Pahlawan Negara Datuk Temenggong Kanang Langkau**, diusung keluar dari Dewan Suara untuk dibawa ke Gereja St Thomas dan disembahyangkan sebelum dibawa ke Makam Pahlawan di Jalan Taman Budaya Kuching. [FOTO MOHD RADZI BUJANG/BH]

juga kaum majoriti di Sarawak.

Katanya, penulis terbabit sepatutnya lebih peka dengan sensitiviti rakyat Sarawak dan tidak membuat kenyataan yang menafikan apa yang tercatat dalam sejarah.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semop, berkata Kanang bukan saja seorang pahlawan sejati tetapi juga simbolik dan lambang pengorbanan dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Presiden Persatuan Veteran Renjer Sarawak, Lt Kol (B) Robert

Rizal Abdullah, menganggap orang yang mengeluarkan kenyataan itu tidak pernah melihat bagaimana perut mendiang Kanang pernah terburai.

## Tindakan penghinaan

"Bagaimana seseorang yang waras boleh mengeluarkan kenyataan seperti itu. Kanang sendiri mengatakan dia sudah mati namun hidup semula dan terus berjuang. Adakah itu semua tidak cukup?," katanya.

Pengerusi Kelab Sayangi Perdana Menteri, Mohd Shahar Abdul-

lah, pula menyifatkan tindakan portal pembangkang itu adalah penghinaan dan penderhakaan ke atas Yang di-Pertuan Agong.

"Setiap pingat yang diberikan kepada mendiang disampaikan sendiri Yang di-Pertuan Agong, mengapa ada pula pihak mahu mempertikaikan sama ada Kanang adalah wira atau tidak.

"Ini satu penghinaan ke atas Yang di-Pertuan Agong, masyarakat Iban, keluarga mendiang serta perbuatan tidak bertanggungjawab ke atas seluruh rakyat Malaysia," katanya.